



Ruj : JKM. 100-4/62 Jld.3(1)
Tarikh : 22 Februari 2019

Jabatan Ketua Menteri

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun dan
Semua Ketua Agensi Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri

**SURAT EDARAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BILANGAN 1 TAHUN 2019
PELAKSANAAN DAN PENYEMPURNAAN PROJEK / AKTIVITI
PEMBANGUNAN DI NEGERI SABAH**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Surat Edaran ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pendirian dan hasrat Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan semua projek/aktiviti pembangunan di Negeri Sabah hendaklah disempurnakan mengikut jadual.

3. Sebagaimana YBhg. Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri komited melaksanakan pelbagai agenda dan program pembangunan untuk

kesejahteraan seluruh lapisan rakyat di Negeri Sabah sesuai dengan tema Belanjawan Negeri Sabah 2019 iaitu 'Memacu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat'.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg.Datuk/Tuan/Puan hendaklah memastikan peruntukan bajet yang telah diluluskan untuk semua projek/aktiviti pembangunan di Negeri Sabah mestilah **mencapai prestasi penyempurnaan dan perbelanjaan 25% untuk suku pertama, 50% untuk suku kedua, 75% suku ketiga dan 100% suku keempat tahun 2019.**

5. Semua Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua Jabatan Negeri, Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah, Ketua Badan Berkanun Negeri, Ketua Agensi Kerajaan Negeri dan Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri perlu fokus dan memberi penekanan serius perkara ini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATUK SERI PANGLIMA HASHIM PAIJAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri